

# Pameran Perkayuan Antarabangsa Terengganu (TINTS) – 16 November 2014

Rabu, 26 November 2014 08:24



**- MALAY VERSION ONLY -**

UCAPAN ALUAN

YB TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLABANGAN DAN KOMODITI  
PAMERAN PERKAYUAN ANTARABANGSA TERENGGANU (TINTS)  
16 NOVEMBER 2014  
TERENGGANU TRADE CENTRE (TTC)

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif Abd Rahman  
Menteri Besar Terengganu

Yang Berusaha Dr Jalaluddin Harun  
Ketua Pengarah  
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Y.Bhg. Professor Datuk Dr Yahya Ibrahim  
Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Yang Berhormat Dato' Rozi Mamat  
Pengerusi Terengganu Timber Industry and Training Centre(TTITC)

Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Penganjur TINTS

Wakil-wakil persatuan industri kayu

Wakil-wakil dari Jabatan dan agensi kerajaan, institusi kewangan dan akademik

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera, Selamat Pagi dan Salam 1 Malaysia.

1.0 Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan oleh penganjur program iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia(MTIB), Terengganu Timber Industry Training Centre (TTITC) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk saya menyampaikan sepatah dua kata sempena pelancaran penutupan Pameran Perkayuan Antarabangsa Terengganu (TINTS) 2014 pada pagi ini. Saya di fahamkan TINTS yang telah diadakan dari 13 – 16 November 2014 merupakan julung-julung kali diadakan di Terengganu. Kementerian saya di maklumkan bahawa salah satu tujuan utama penganjuran TINTS ini adalah untuk memperkasakan industri perkayuan khususnya di Terengganu melalui penganjuran pelbagai aktiviti bertujuan untuk membantu meningkatkan jualan produk perkayuan untuk pasaran domestik di samping untuk memaklumkan kepada orang ramai sumbangan sektor perkayuan kepada ekonomi Negara. Bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif Abd Rahman, YAB Menteri Besar Terengganu kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan majlis penutupan TINTS pada pagi ini.

YAB Dato', tuan/puan yang dihormati,

2.0 Kepentingan industri kayu tidak dapat dinafikan sebagai salah satu sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi Negara. Dalam tahun 2013, industri kayu telah menyumbang sebanyak 2.7% daripada jumlah nilai eksport Negara yang bernilai sebanyak RM 719.82 ribu juta. Industri kayu juga menyediakan lebih daripada 162,000 peluang pekerjaan dan menyumbang pelaburan domestik sebanyak RM 570.8 juta dan FDI berjumlah RM 46.9 juta menjadikan jumlah pelaburan sektor ini dalam tahun 2013 sebanyak RM 617.7 juta. Industri kayu juga merupakan penyumbang penting dalam pasaran eksport di mana untuk tempoh 10 tahun kebelakangan ini purata eksport produk kayu adalah sebanyak RM 20 billion setahun dan saiz pasaran tempatan pula dianggarkan mencecah RM 13 billion setahun.

Terengganu merupakan salah satu negeri yang mempunyai sumber kayu yang banyak di mana pada tahun 2013 pengeluaran tahunan balak adalah sebanyak 447,044 m<sup>3</sup>(11%) daripada 4,084,454 m<sup>3</sup> dan kayu gergaji berjumlah 331,332 m<sup>3</sup>(13%) daripada jumlah 2,501,722 m<sup>3</sup> pengeluaran Semenanjung Malaysia. Saya juga difahamkan pada masa kini terdapat 35 pengusaha perabot di negeri Terengganu yang menceburi bidang pembuatan perabot panel dan perabot kayu 'solid'. Melalui penarafan bintang star rating (SCORE SME) yang dijalankan oleh MTIB didapati usahawan perabot Terengganu kini berada pada tahap penarafan 2 dan 3 Bintang di segi penarafan SCORE. Dalam hubungan ini MTIB akan berterusan membantu dan membimbing mereka bagi meningkatkan keupayaan kepada tahap 4 dan 5 Bintang supaya mereka boleh memasuki pasaran eksport perabot.

Saya dimaklumkan bahawa Negeri Terengganu juga berada dalam barisan hadapan dalam pembuatan bot tradisional kayu di kawasan Pulau Duyong, Seberang Takir, Pulau Rusa dan Kampung Losong yang mempunyai pasaran di peringkat antarabangsa di mana terdapat 10 pengusaha bot yang terlibat secara aktif termasuk pengusaha terkemuka Datuk Abdullah Muda. Pada tahun 2012 hasil pendapatan dari industri pembinaan perahu, bot dan kapal kecil adalah bernilai RM 3.2 Juta dan dalam tahun 2013 meningkat sebanyak 29% kepada RM 4.5 Juta. Saya berharap nilai jualan ini akan terus dipertingkatkan lagi dengan pelbagai program kerjasama antara MPIC, MTIB dan kerajaan Negeri khususnya dalam aspek penyediaan modul latihan kepada pengusaha bot terutamanya generasi pelapis dalam aspek rekabentuk, kemasihan dan pemasaran bot serta penyediaan modal yang bersesuaian bagi memastikan industri bot dapat meningkatkan akses pasaran.

3.0 Di samping itu Terengganu juga terkenal sebagai salah satu negeri yang menghasilkan produk ukiran yang berkualiti tinggi di mana kesenian ukiran kayu telah wujud di Terengganu sejak lebih seratus tahun yang lalu melalui kesenian ukiran hebat dalam pembinaan istana, balai raya, rumah dan bangunan pejabat. Negeri ini juga telah berjaya melahirkan salah seorang pengukir yang terlibat secara aktif dalam pelbagai program pembangunan modal insan bagi mempergiatkan kursus dibidang ukiran iaitu Encik Norhaiza Nordin sebagai Master Carver yang telah mendapat projek ukiran di Oxford Islamic Centre, United Kingdom pada awal tahun 2000. Beliau juga merupakan tenaga pengajar kursus ukiran MTIB serta juri pertandingan ukiran peringkat kebangsaan anjuran MTIB serta anjuran Majalah Anjung Seri.

Kini generasi kedua dan ketiga mula mengambil alih perniagaan ukiran kayu yang dipelopori oleh orang tua mereka. Pada masa kini terdapat seramai 20 pengusaha ukiran yang bertapak di daerah Kuala Terengganu, Besut dan Marang. Produk penghasilan mereka termasuklah ukiran khat kaligrafi, panel dinding dan tingkap, pintu rumah dan pejabat, pintu gerbang, hiasan dalaman bangunan dan istana, mimbar masjid, buaian, gazebo dan sarung dan hulu senjata (keris, parang, golok dsb.). Mereka menggunakan kayu-kayu keras berkualiti daripada spesis Chengal, Balau, Merbau dan Resak. Walaubagaimana pun pada masa ini majoriti produk ukiran yang dihasilkan adalah masih tertumpu untuk pasaran domestik dengan perolehan nilai sebanyak RM 1.3 juta pada tahun 2013. Walaupun jumlah ini agak kecil, Kementerian berharap pengukir Terengganu akan mula beralih kepada ukiran bercorak moden dengan menggunakan mesin Computer Numerical Control(CNC) dan akan dikembangkan dalam 'mass production' termasuk sebagai produk nilai tambah dalam hiasan dalaman/panelling bagi projek pembinaan kerajaan dan swasta. Ini adalah industri warisan dan budaya negeri Terengganu yang perlu di pelihara dan MTIB akan terus membantu memperkembangkan industri ukiran ini melalui pelbagai program kerjasama berterusan dengan kerajaan Terengganu termasuk melalui program pembangunan usahawan Bumiputera.

Dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

4.0 Untuk makluman YAB Menteri Besar, Kementerian saya melalui MTIB dan agensi – agensi lain seperti Malaysian Timber Council (MTC), Malaysian Timber Certification Council (MTCC) dan Malaysian Furniture Promotion Council (MFPC) menjalankan pelbagai aktiviti untuk membantu pembangunan industri kayu di Malaysia. Aktiviti tersebut termasuklah aktiviti seperti promosi produk kayu untuk pasaran eksport dan domestik, penggalakkan penggunaan kayu dalam industri pembinaan, penghasilan produk bernilai tambah tinggi, pembangunan tenaga manusia, pembangunan ladang hutan, persijilan hutan dan pelbagai aktiviti yang lain. Kesemua aktiviti ini berdasarkan kepada beberapa polisi yang dibangunkan oleh kerajaan seperti National Timber Industry Policy (NATIP) dan Dasar Komoditi Negara (DKN). Dalam masa yang sama terdapat juga polisi – polisi khusus mengenai sektor tertentu seperti pembangunan industri buluh, karas, pembangunan rekabentuk serta IBS Roadmap for Timber dan sebagainya.

5.0 Bahan binaan merupakan aspek penting di dalam sesuatu pelaksanaan projek pembangunan termasuk bahan binaan berasaskan kayu. Laporan daripada Banci Ekonomi Industri Pembinaan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan bagi tahun rujukan 2010 menunjukkan jumlah penggunaan bahan kayu dan keluaran kayu untuk pembinaan hanya bernilai RM 4.93 billion yang merupakan 9.73% daripada jumlah keseluruhan bahan pembinaan yang digunakan yang bernilai RM 50.66 billion. Ianya merangkumi kayu gergaji, papan lapis, rangka pintu kayu dan bingkai tingkap, panel dinding, softboards dan papan serpai serta bahan kayu lain. Manakala penggunaan bahan-bahan IBS Perkayuan hanya RM 86 juta (13.60%) amat rendah berbanding dengan jumlah keseluruhan bahan-bahan IBS yang digunakan iaitu RM 628 juta. Peratusan penggunaan kayu masih rendah berbanding dengan bahan alternatif lain walaupun kayu merupakan bahan watan dan mapan negara kita.

Dengan adanya polisi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu pada 10 Disember 2013 di mana semua bangunan yang sedang dan akan dibina kerajaan tidak lagi dibenarkan menggunakan struktur bumbung 'cold formed light weight steel' atau aluminium bagi mengelak kejadian bumbung runtuh susulan beberapa insiden bumbung masjid yang menggunakan struktur aluminium runtuh termasuk Masjid Kampung Tebauk, Bukit Tunggul dan Masjid Binjai Kertas, Hulu Terengganu. Semua bangunan yang sedang dan akan dibina kerajaan akan menggunakan bumbung dengan sistem kekuda besi 'hot rolled mild steel', yang lebih tebal atau menggunakan kayu gred A.

Keputusan ini memberi peluang kepada bahan kayu untuk digunakan sebagai kekuda bumbung serta struktur binaan yang lain. Dalam hubungan ini saya dimaklumkan bahawa MTIB sedang bekerjasama rapat dengan agensi di peringkat Negeri termasuk JKR bagi menggalakkan peningkatan penggunaan kayu sebagai kekuda bumbung pasangsiap melalui pelbagai seminar, dialog dan program peningkatan kepakaran termasuk bagi merekabentuk kekuda bumbung kayu serta menggalakkan penggunaan produk IBS kayu yang tentunya akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing dan pada masa yang sama mengurangkan kemalangan di tapak pembinaan.

Dengan terdapatnya teknologi terkini, industri kayu telah berjaya diperkenalkan dengan pelbagai produk kejuruteraan kayu yang telah terbukti sebagai bahan binaan berkonsepkan IBS yang kompetitif di Negara maju seperti glue-laminated timber (glulam), laminated veneer lumber (LVL), cross laminated timber (CLT) dan bahan komposit I-joists untuk menyokong lantai. Glulam merupakan bahan yang amat kukuh dan mempunyai rekaan yang menyenangkan bagi projek berprestij di Negara maju termasuk Eropah, Amerika Utara, Jepun dan Australia. Ianya merupakan bahan yang utama untuk hampir kesemua bangunan disebabkan fleksibiliti untuk rekaan yang inovatif. Negara Austria telah mengesport produk CLT daripada syarikat KLH pengeluar CLT terbesar di Austria untuk kegunaan bangunan setinggi 10 tingkat iaitu apartment FORTE CLT di Melbourne, Australia serta bangunan CREE Life Cycle Tower LCT One (9 tingkat) di Dornbirn Austria yang menggunakan produk hybrid glulam dan konkrit.

Dalam hubungan ini Kementerian melalui MTIB telah mengambil inisiatif dengan pembinaan bangunan lengkap glulam komersil pertama di Malaysia menggunakan kayu Keruing dan Resak yang telah dirasmikan

oleh YAB TPM pada 22 Mei 2012. Sebagai impak daripada projek berkenaan pada masa ini saya dimaklumkan iaitu projek berjumlah anggaran RM 70 juta berkaitan penggunaan glulam telah diperolehi. Ini termasuk dua projek mega Crops-for-future-research-centre(CFFRC) kepunyaan Kementerian Pertanian berjumlah RM 9.78 juta dan projek Malaysian Pavillion untuk Expo Milano 2015, Italy berjumlah RM 11 juta di bawah MITI/MATRADE. Usaha ini adalah selaras dengan saranan kerajaan melalui polisi bagi penggalakkan penggunaan 70% kandungan IBS dalam projek seliaan kerajaan. MTIB akan terus memainkan peranan bagi memastikan penggunaan produk yang berkualiti selaras dengan peranan MTIB sebagai penguasa pemeringkatan serta peranan baru sebagai Agensi Pembangunan Standards(SDA) untuk kayu, produk kayu dan kayu struktur berkuatkuasa 1 September 2013 yang lalu. Dalam hubungan ini, saya dimaklumkan bahawa MTIB sedang merancang untuk bekerjasama dengan GLC Terengganu bagi mempelopori pembinaan produk CLT untuk industri pembinaan di negeri ini.

6.0 Bagi aspek pembangunan modal insan pula, MTIB juga sedang bekerjasama dengan TTITC dalam menjalankan program pembangunan modal insan selama 3 bulan kepada 20 `installers' bagi memasang komponen IBS dalam program `Certified Timber and Credible Suppliers(CTCS)' bagi melahirkan pembekal Bumiputera yang berwibawa bagi membekal produk berasaskan perakayuan yang berkualiti kepada GLC terpilih di seluruh Malaysia. Peranan TTITC sebagai penyedia latihan dalam Timber Production and Finishing juga merupakan satu kerjasama strategik dengan WISDEC yang telah bermula pada tahun 2010 di mana seramai 40 peserta telah dilatih bagi melahirkan modal insan berkemahiran dalam membantu memperkasakan industri perakayuan khususnya industri berasaskan perabot. Bagi menggalakkan peralihan industri perabot daripada Original Equipment Manufacturer(OEM) kepada Original Design Manufacturer(ODM)/Own Brand Manufacturing(OBM) pula, MTIB sedang bekerjasama rapat dengan UNISZA dalam program pembangunan rekabentuk perabot melalui pertandingan rekabentuk perabot di mana dua pensyarah dan pelajar UNISZA telah dilatih sebagai jurureka muda yang berjaya mempamerkan rekabentuk perabot di Milan, Italy di bawah label Tanggam yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada beberapa Negara. Usaha ini akan diteruskan bagi memastikan industri perabot negara dapat bersaing di pasaran tinggi dengan rekabentuk yang inovatif dan seterusnya mendapat penjenamaan tersendiri di pasaran global bagi membantu mencapai nilai eksport perabot sebanyak RM 16 billion pada tahun 2020.

Dif-dif kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

7.0 Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, suka di tekankan bahawa MPIC dan agensi- agensi dibawahnya sentiasa bersedia membantu mana-mana kerajaan negeri dalam kerjasama strategik dalam membantu mencapai aspirasi NATIP. Berdasarkan kepakaran Kementerian saya dalam pembangunan polisi serta pembangunan pelbagai bidang kepakaran kepada industri, maka pihak kementerian saya melalui MTIB ingin mempertingkatkan kerjasama dengan kerajaan Negeri Terengganu bagi menjalankan program tranformasi industri kayu di Terengganu termasuk aspek pembangunan Bumiputera dan merangkumi strategi dan pelan pelaksanaan dalam pembangunan modal insan dalam aspek ukiran, rekabentuk produk, kemasiapan serta pembuatan produk berasaskan IBS.

Sekian, terima kasih.

16 November 2014

TINTS REVISED MA-MMD 4 NOV 2014